

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 17

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan program pembasmian kemiskinan di bawah pengelolaan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan apakah KPI yang digunakan.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua,

Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan golongan miskin sama ada Miskin Tegar atau Miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa melalui proses verifikasi di lapangan. Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan perkapita isi rumah dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016 ataupun *Household Income Survey* 2016. Terdapat tiga kategori status kemiskinan dalam sistem eKasih iaitu Miskin Tegar, Miskin dan Terkeluar.

eKasih bukanlah merupakan program atau bantuan, tetapi ia merupakan satu pangkalan data kemiskinan nasional yang

dikendalikan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM). Data eKasih digunakan oleh kementerian/agensi untuk menyalurkan bantuan melalui program pembasmian kemiskinan masing-masing. Antara kementerian/agensi pemberi bantuan termasuklah Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Berdasarkan rekod eKasih, sehingga 30 September 2019 sebanyak 2,404,833 bilangan bantuan dengan jumlah sebanyak RM3.5 bilion telah disalurkan kepada isi rumah eKasih berstatus Miskin Tegar dan Miskin di seluruh negara untuk program dan bantuan kesejahteraan rakyat.

Sistem eKasih bersifat dinamik. Selain maklumat profil/kemiskinan, Sistem eKasih juga mengandungi maklumat bantuan dan nilai bantuan yang diterima oleh isi rumah eKasih. Maklumat-maklumat bantuan ini dikemas kini oleh kementerian/agensi pemberi bantuan masing-masing. Setiap bantuan yang disalurkan oleh kerajaan negeri perlu direkodkan dalam sistem eKasih bagi membolehkan maklumat bantuan yang disalurkan serta keberkesanan program pembasmian kemiskinan dapat dipantau. Pemantauan dan penyelarasan penyaluran bantuan yang diterima dari kerajaan negeri juga dapat mengelakkan sebarang pertindihan atau ketirisan kepada rakyat seterusnya membolehkan pihak Kerajaan menyalurkan bantuan yang sewajarnya dengan lebih berkesan dan efisien.

Pelbagai program/bantuan telah dan sedang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan Pusat dan Negeri bagi memastikan kadar kemiskinan terus dikurangkan. Berdasarkan rekod eKasih sehingga 30 September 2019, sebanyak 7,763,018 bilangan bantuan kesejahteraan rakyat dengan jumlah sebanyak RM10.5 bilion telah disalurkan kepada isi rumah eKasih di seluruh negara. Bantuan yang telah disalurkan ini secara tidak langsung telah membantu isi rumah

NO SOALAN : 17

eKasih terkeluar daripada garis kemiskinan di mana ketika ini sebanyak 469,491 isi rumah yang berdaftar dalam sistem eKasih berada dalam kategori Terkeluar, dan lebih 80% daripada mereka terkeluar disebabkan oleh peningkatan pendapatan. Statistik eKasih bagi tempoh lima tahun iaitu dari 2015 hingga 2019 (30 September 2019) menunjukkan trend peningkatan bilangan isi rumah eKasih di bawah kategori Terkeluar yang mana ini menggambarkan bahawa bantuan Kerajaan telah berjaya membantu isi rumah eKasih meningkatkan pendapatan. Statistik isi rumah miskin kategori Terkeluar adalah seperti jadual di bawah:

Tahun	Bilangan KIR di bawah kategori Terkeluar
2015	295,419
2016	346,458
2017	402,560
2018	439,228
2019 (30 September 2019)	469,491